



POLITEKNIK
Jabatan Pengajian Politeknik

**GARIS PANDUAN
ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG POLITEKNIK
(APCP)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK**

KANDUNGAN

	Mukasurat	
1.0	Pendahuluan	3
2.0	Latar Belakang	3
3.0	Objektif	4
4.0	Kategori Anugerah	4
5.0	Perincian Anugerah	5
5.1	Anugerah Ketua Jabatan PNM ≥ 3.50	5
5.2	Anugerah Khas Ketua Jabatan HPNM ≥ 3.50	6
5.3	Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Jabatan)	7
5.4	Anugerah Pengarah Politeknik	9
5.4.1	Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Politeknik)	9
5.4.2	Anugerah Projek Terbaik (Politeknik)	10
6.0	Jawatankuasa Penilaian	11
7.0	Penutup	12
8.0	Lampiran	12
9.0	Contoh-Contoh Sijil	24

1.0 PENDAHULUAN

Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia mula mewujudkan Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik (APCP) hasil persetujuan daripada ahli Mesyuarat Perancangan Teknikal yang telah diadakan di Mutiara Resort, Taman Negara pada 22 hingga 23 Mac 2002. Anugerah ini mula diperkenalkan pada Majlis Konvokesyen Politeknik tahun 2003 dan digunapakai sehingga kini.

Pada 5 hingga 9 November 2012, Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik telah dimurnikan melalui Bengkel Keselarasan Pengurusan Pentaksiran Politeknik. Hasil perbengkelan ini, beberapa penambahbaikan dibuat ke atas komponen penilaian iaitu kecemerlangan akademik, penglibatan, pencapaian dan sahsiah pelajar.

Pada 28 Mei 2013, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Prinsip Pentaksiran yang berlangsung di Palm Garden Hotel, IOI Resort Putrajaya, Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik telah dibentangkan kepada pihak pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik untuk membuat penambahbaikan.

2.0 LATAR BELAKANG

Sejak tahun 1971, Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik telah diwujudkan sebagai pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. Seiring dengan peredaran masa, kriteria pemilihan bagi Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik perlu dilihat dari perspektif baharu supaya sentiasa relevan dengan kehendak semasa. Penganugerahan dan pengiktirafan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan menggalakkan penglibatan pelajar yang menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum. Kepentingan aktiviti kokurikulum adalah sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Oleh itu, penambahbaikan berkaitan penganugerahan ini akan menjadi pemangkin kepada pelajar untuk terus berusaha dan memberi sumbangan kepada politeknik dan pihak berkepentingan luar. Pengiktirafan kecemerlangan ini adalah komprehensif dan adil berdasarkan penilaian terhadap pelbagai aspek kecemerlangan supaya sejajar dengan keperluan domain hasil pembelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia.

3.0 OBJEKTIF

- 9.1 Mengiktiraf dan menghargai pelajar yang telah mencapai tahap kecemerlangan.
- 9.2 Menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan pelajar untuk meningkatkan prestasi akademik dan kokurikulum.
- 9.3 Mendorong pelajar untuk menyertai secara aktif dalam aktiviti kokurikulum di pelbagai peringkat.
- 9.4 Menerapkan budaya kecemerlangan dalam pencapaian akademik, kokurikulum, kemahiran kepimpinan dan sahsiah pelajar.
- 9.5 Menggalakkan penyertaan pelajar dalam pelbagai aktiviti akademik supaya pelajar sentiasa berfikir kreatif dan inovatif.

4.0 KATEGORI ANUGERAH

- 4.1 Anugerah Ketua Jabatan PNM ≥ 3.50
- 4.2 Anugerah Khas Ketua Jabatan HPNM ≥ 3.50
- 4.3 Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum (Jabatan)
- 4.4 Anugerah Pengarah Politeknik

5.0 PERINCIAN ANUGERAH

5.1 Anugerah Ketua Jabatan PNM ≥ 3.50

Anugerah ini akan diberikan kepada para pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik yang cemerlang pada semester dinilai kecuali ketika menjalani latihan industri. Bilangan penerima anugerah ini adalah tidak terhad.

Bentuk Anugerah

Penerima akan dianugerahkan:

- i. Sijil Anugerah Ketua Jabatan (AKJ) yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan disampaikan pada Majlis Anugerah Ketua Jabatan masing-masing.
- ii. Slip Keputusan Penilaian Akhir Semester bercetak dengan perkataan 'Anugerah Ketua Jabatan'.

Syarat-syarat Penganugerahan

- i. Mendapat keputusan Kedudukan Baik (KB) dengan Purata Nilai Mata (PNM) bersamaan atau melebihi 3.50 pada semester yang dinilai.
- ii. Telah mencapai Nilai Mata bersamaan atau melebihi daripada 2.00 bagi setiap kursus yang diambil pada semester yang dinilai.
- iii. Telah mengambil jumlah kredit bersamaan 12 kredit (pelajar sepenuh masa) dan 5 kredit (pelajar KSS) atau lebih pada semester yang dinilai seperti yang telah ditetapkan dalam buku 'Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia'.
- iv. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Politeknik pada semester yang dinilai.

Kaedah Penganugerahan

- i. Keputusan penilaian akhir bagi setiap semester akan digunakan sebagai asas penganugerahan.
- ii. Keputusan penganugerahan akan disenarai dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik.
- iii. Keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik adalah muktamad.

5.2. Anugerah Khas Ketua Jabatan HPNM \geq 3.50

Anugerah Khas ini akan diberikan kepada pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik yang cemerlang dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) bersamaan atau melebihi 3.50 pada semester akhir pengajian.

Bentuk Anugerah

Penerima akan dianugerahkan:

- i. Pingat Ketua Jabatan yang dipakai semasa menghadiri majlis konvokesyen politeknik; dan
- ii. Sijil Anugerah Khas Ketua Jabatan (AKKJ) yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan dan diserahkan kepada pelajar semasa majlis konvokesyen politeknik.

Syarat-syarat Penganugerahan

- i. Mendapat keputusan Lulus Penuh (LP) dengan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) bersamaan atau melebihi 3.50 pada semester akhir pengajian.
- ii. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Politeknik.

Kaedah Penganugerahan

- i. Keputusan penilaian semester akhir akan digunapakai sebagai asas penganugerahan.
- ii. Keputusan penganugerahan disenarai dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik.
- iii. Keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik adalah muktamad.

5.3. Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Jabatan)

Penerima anugerah ini terdiri daripada lulusan yang telah menamatkan pengajiannya di politeknik. Penerima anugerah adalah pelajar yang telah mencapai tahap prestasi akademik dan kokurikulum yang cemerlang sepanjang tempoh pengajian. Bilangan penerima adalah terhad kepada seorang bagi setiap jabatan dengan memenuhi syarat yang ditetapkan.

Nama penerima anugerah akan direkodkan sebagai Pelajar Cemerlang Jabatan di jabatan yang berkenaan. Semua bentuk anugerah akan disampaikan semasa majlis konvokesyen politeknik.

Bentuk Anugerah

Penerima akan dianugerahkan:

- i. Sijil Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum yang ditandatangani oleh Pengarah;
- ii. Wang tunai atau cek bernilai sekurang-kurangnya RM300.00; dan
- iii. Plak iringan.

Syarat-syarat Penganugerahan

- i. Mendapat keputusan Lulus Penuh (LP) dengan HPNM pada Semester Akhir bersamaan atau melebihi 3.50.
- ii. Telah mencapai Nilai Mata bersamaan atau melebihi daripada 2.00 bagi setiap kursus yang telah diambil.
- iii. Bergiat secara aktif dalam bidang kokurikulum.
- iv. Calon mesti mencapai jumlah markah minimum 80%. Rujuk Borang Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Jabatan) seperti di Lampiran APCP 01 (A).
- v. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Politeknik.

Kaedah Pencalonan dan Pemilihan

- i. Anugerah ini diberikan kepada lulusan terbaik dari jabatan bagi setiap sesi pengajian ketika majlis konvokesyen politeknik.
- ii. Penerima anugerah terdiri daripada seorang penerima sahaja bagi setiap jabatan.
- iii. Keputusan penilaian semua semester, rekod dan sijil kegiatan sukan dan kokurikulum akan digunapakai sebagai asas pencalonan.
- iv. Jawatankuasa Pemilihan Induk akan membuat pemilihan berdasarkan markah tertinggi dalam Borang Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Jabatan) seperti di Lampiran APCP 02.
- v. Keputusan Jawatankuasa Induk adalah muktamad.

5.4. Anugerah Pengarah Politeknik

Anugerah Pengarah Politeknik terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum Politeknik
- ii. Anugerah Projek Terbaik

5.4.1 Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Politeknik)

Calon-calon bagi anugerah ini adalah terdiri daripada penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum Jabatan. Daripada keseluruhan calon-calon ini, seorang pelajar akan dipilih sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum. Nama penerima anugerah akan direkodkan sebagai Pelajar Cemerlang Politeknik. Semua bentuk anugerah akan disampaikan semasa majlis konvokesyen politeknik.

Bentuk Anugerah

Penerima akan dianugerahkan:

- i. Sijil Anugerah Pengarah Politeknik yang ditandatangani oleh Pengarah Politeknik;
- ii. Wang tunai atau cek bernilai sekurang-kurangnya RM 500.00;
- iii. Plak iringan; dan
- iv. Piala pusingan.

Kaedah Pencalonan dan Pemilihan

- i. Seorang lulusan terbaik keseluruhan untuk setiap sesi pengajian akan dipilih.
- ii. Jawatankuasa Kecil Pemilihan akan membuat pemilihan berdasarkan markah tertinggi dalam Borang Ringkasan Pencalonan Anugerah Kecemerlangan Akademik & Kokurikulum (Jabatan) seperti di Lampiran APCP 03.
- iii. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.

5.4.2 Anugerah Projek Terbaik (Politeknik)

Anugerah ini akan disampaikan kepada kumpulan pelajar yang telah berjaya menghasilkan projek Semester Akhir yang terbaik di Politeknik berkenaan bagi setiap sesi pengajian. Kriteria pemarkahan bagi Anugerah Projek Terbaik ini adalah merujuk kepada Borang Pencalonan Anugerah Projek Terbaik (Politeknik) Lampiran APCP 04(A) atau (B).

Bentuk Anugerah

Penerima akan dianugerahkan:

- i. Sijil Anugerah Projek Terbaik Politeknik bagi setiap ahli kumpulan yang ditandatangani oleh Pengarah Politeknik;
- ii. Wang tunai atau cek bernilai sekurang-kurangnya RM 500.00;
- iii. Plak iringan (setiap ahli kumpulan); dan
- iv. Piala Pusingan.

Kaedah Penganugerahan dan Kelayakan Penerima

- i. Anugerah disampaikan pada hari konvokesyen.
- ii. Semua ahli kumpulan layak menerima anugerah ini walaupun terdapat ahli kumpulan yang belum berstatus graduan dan masih pelajar politeknik.

6.0 JAWATANKUASA PENILAIAN

6.1 Jawatankuasa Pemilihan Induk

Jawatankuasa Pemilihan Induk berfungsi menerima, menilai dan mengesahkan senarai nama yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kecil Pemilihan.

Jawatankuasa Pemilihan Induk ini terdiri daripada;

Penasihat	:	Pengarah
Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Akademik
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Ahli-ahli	:	
		i. Ketua-ketua Jabatan Akademik
		ii. Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
		iii. Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan
		iv. Pegawai Peperiksaan
		v. Pegawai Latihan Industri
		vi. Pegawai yang dilantik oleh Pengerusi dari Jawatankuasa Kecil Pemilih peringkat jabatan, di mana seorang ahli dari setiap jabatan

6.2 Jawatankuasa Kecil Pemilihan

Jawatankuasa Kecil Pemilihan berfungsi melaksanakan pemilihan pada peringkat jabatan.

Jawatankuasa Kecil Pemilihan ini terdiri daripada;

Pengerusi	:	Ketua Jabatan Akademik (Induk)
Ahli-ahli	:	
		i. Ketua Program
		ii. Penyelaras Hal Ehwal Pelajar Jabatan
		iii. Penyelaras Peperiksaan Jabatan
		iv. Penyelaras Projek Jabatan
		v. Penyelaras Penasihat Akademik Jabatan

7.0 PENUTUP

Garis Panduan Anugerah Pelajar Cemerlang Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia diharap akan menjadi rujukan kepada semua politeknik.

8.0 LAMPIRAN

**BORANG PENCALONAN
ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (JABATAN)**

Nama Calon		E-mail/ Facebook	
No. Pend		No. KP	
Kod Program		No. HP	
Seksyen/Kelas		Tarikh	
Nama Penasihat Akademik		Jabatan	

KOMPONEN	KRITERIA	BUTIRAN	SEMESTER							MARKAH MAK.	MARKAH		
			1	2	3	5	6	7					
PENCAPAIAN AKADEMIK	HPNM	(Nilai HPNM) x 12.5								50	x =		
JAWATAN YANG DISANDANG	JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR	<u>Jawatan</u>	<u>Markah</u>								9		
		i. Yang Dipertua	9										
		ii. Naib Yang Dipertua	8										
		iii. Setiausaha/Bendahari	7										
		iv. Penolong Setiausaha/Bendahari/ Biro	6										
		v. AJK Biro	5										
	PASUKAN BERUNIFORM/ KELAB/ PERSATUAN	<u>Jawatan</u>	<u>Markah</u>									7	
		i. Pengerusi	7										
		ii. Naib Pengerusi	6										
		iii. Setiausaha/Bendahari	5										
		iv. Penolong Setiausaha/Bendahari	4										
		v. AJK	3										
vi. Ahli Biasa	2												
PENGLIBATAN	SUKAN/ PERMAINAN/KOKURIKULUM /KEBUDAYAAN	<u>Peringkat</u>	<u>Markah</u>								8		
		i. Antarabangsa	8										
		ii. Kebangsaan/Negara	7										
		iii. Zon	6										
		iv. Negeri	5										
		v. Politeknik	4										
		vi. Jabatan	3										
		<u>Jawatan</u>	<u>Markah</u>									5	
		i. Pengarah/ Pen. Pengarah	5										
		ii. Setiausaha/Bendahari	4										
		iii. Penolong Setiausaha/Bendahari	3										
		iv. AJK	2										
	v. Peserta	1											
	AKTIVITI AKADEMIK	<u>Peringkat</u>	<u>Markah</u>									8	
		i. Antarabangsa	8										
		ii. Kebangsaan/Negara	7										
		iii. Zon	6										
		iv. Negeri	5										
v. Politeknik		4											
vi. Jabatan	3												

**KRITERIA PEMARKAHAN
ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (JABATAN)**

1.0 PENCAPAIAN AKADEMIK

Pencapaian akademik adalah merujuk kepada pencapaian HPNM pelajar pada semester akhir pengajian sahaja.

2.0 JAWATAN YANG DISANDANG

1.1. Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP)

Merujuk kepada markah jawatan yang disandang.

1.2. Persatuan Beruniform/Kelab/Persatuan

Merujuk kepada markah jawatan yang disandang.

3.0 PENGLIBATAN

3.1. Penglibatan Dalam Sukan/ Permainan/ Kokurikulum / Kebudayaan

Merujuk kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan, permainan, kokurikulum atau/dan kebudayaan merujuk kepada peringkat yang diwakili dan jawatankuasa kecil yang disandang.

3.2. Penglibatan Dalam Akademik

Merujuk kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik pada peringkat yang diwakili dan jawatankuasa kecil yang disandang. Sebagai contoh penglibatan pelajar dalam akademik ialah penyelidikan, inovasi, projek, pertandingan (debat, nasyid, pidato, musabaqah) pameran, keusahawanan, lawatan sambil belajar dan lain-lain.

3.3. Khidmat Masyarakat/ Sosial/ Sukarelawan/ Mobiliti

Merujuk kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti khidmat masyarakat, sosial, sukarelawan dan mobiliti pada peringkat yang diwakili dan/atau jawatankuasa kecil yang disandang. Sebagai contoh penglibatan dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR), program anak angkat, derma darah, pertukaran pelajar antarabangsa dan lain-lain.

3.4. Lain-lain

Merujuk kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti konvokesyen, *career fest*, rakan siswa, jamuan perdana, Majlis Maulidur Rasul, MSK, Majlis AKJ, sambutan kemerdekaan, pameran serta keusahawanan.

4.0 PENCAPAIAN

Merujuk kepada pengiktirafan pihak luar terhadap pencapaian yang ditunjukkan pelajar merangkumi pengiktirafan dan keahlian badan profesional, sijil profesional, pingat, anugerah dalam sesuatu projek atau pertandingan. Contoh pengiktirafan luar seperti Autodesk, CISCO, ACCA, FINAS, SUKMA, SUKIPT, ROBOCON, Robot Soccer dan lain-lain.

5.0 SAHSIAH

Komponen sahsiah merangkumi kemahiran insaniah seperti:

- 5.1. Kemahiran dan tanggungjawab social.
- 5.2. Nilai, sikap dan profesionalime.
- 5.3. Kemahiran komunikasi, kepemimpinan dan kerja berpasukan.
- 5.4. Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik.
- 5.5. Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat.
- 5.6. Kemahiran mengurus dan keusahawanan.

ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (JABATAN)
PANDUAN MENGISI BORANG APCP 01 (A)

1.0	Komponen penilaian	Markah
1.1.	Akademik (Pemberat : 50%)	50
1.2.	Kokurikulum (Pemberat : 50%)	78
2.0	Sila tandakan (√) di ruangan semester yang berkenaan mengikut jawatan dan peringkat yang berkaitan untuk markah-markah yang diberikan.	
3.0	Markah maksimum bagi setiap kriteria	
3.1.	Jawatankuasa Perwakilan Pelajar	9
3.2.	Pasukan Beruniform/Kelab/Persatuan	7
3.3.	Sukan/Permainan/Kokurikulum/Kebudayaan (Peringkat)	8
3.4.	Sukan/Permainan/Kokurikulum/Kebudayaan (Jawatan)	5
3.5.	Aktiviti Akademik (Peringkat)	8
3.6.	Aktiviti Akademik (Jawatan)	5
3.7.	Khidmat Masyarakat/Sukarelawan/Mobiliti (Jawatan)	8
3.8.	Khidmat Masyarakat/Sukarelawan/Mobiliti (Peringkat)	5
3.9.	Lain-lain (Peringkat)	8
3.10.	Lain-lain (Jawatan)	2
3.11.	Pengiktirafan Pihak Luar	8
3.12.	Kemahiran Insaniah	5

4.0 Cara pengiraan:

$$\text{Jumlah Markah} = (x) + \left(\frac{y}{78} \times 50 \right)$$

5.0 Sesuatu aktiviti, program atau apa-apa penglibatan yang telah digunakan pada sesuatu kriteria tidak boleh digunakan sekali lagi pada permakahan bagi kriteria yang lain untuk sepanjang tempoh pengajian.

RINGKASAN PENCALONAN JABATAN

ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (JABATAN)

(Panduan: Borang ini hendaklah dilengkapi oleh Jawatankuasa Kecil Pemilihan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemilihan Induk)

Sesi * Dis / Jun

BIL	NAMA	SEKSYEN	KOD PROGRAM	JABATAN	NO. PEND	NO. KP	MARKAH

(
Ketua Jabatan)

Tarikh :



**RINGKASAN PENCALONAN ANUGERAH PENGARAH POLITEKNIK
ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK & KOKURIKULUM (JABATAN)**

(Panduan : Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh Jawatankuasa Kecil Pemilihan dan diserahkan kepada
Jawatankuasa Pemilihan Induk bersama-sama **Lampiran APCP (01)**)

Sesi * Dis / Jun

BIL	NAMA	SEKSYEN/ KELAS	KOD PROGRAM	**JABATAN	NO. PEND	NO. KP	MARKAH

(
Pengerusi Jawatankuasa)

Tarikh :



* Sila bulatkan yang berkenaan

** Setiap jabatan SATU pencalonan sahaja

LAMPIRAN APCP 04 (A)

ANUGERAH PENGARAH POLITEKNIK
BORANG PENCALONAN ANUGERAH PROJEK TERBAIK (POLITEKNIK)

Panduan : Pelaksanaan Penilaian ini hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya TIGA orang ahli panel.

Sesi Tamat Pengajian : Sesi Dis / Jun

Tajuk Projek Kejuruteraan :

Kod Program :		Seksyen/Kelas :		Jabatan :	
----------------------	--	------------------------	--	------------------	--

BIL	NAMA	NO. KP	NO. PEND

BIL	ITEM	KRITERIA	MARKAH/MARKAH	
			MAKSIMUM	SEBENAR
1	Hasil Kerja	Kekemasan	10	
		Kefungsian	10	
		Kesesuaian Bahan	10	
		Penggunaan Teknologi	10	
		Ciri Keselamatan/ Kesihatan	5	
2	Keaslian, Adaptasi dan Kreativiti	Novelti	5	
		Kreatif	5	
		Daya Inventif/Inovatif	5	
3	Kegunaan	Faedah	5	
		Kerelevanan	5	
4	Potensi Projek	Potensi Paten	5	
		Potensi Komersial	5	
5	Keberkesanan Kos Projek		5	
6	Dokumentasi		5	
7	Persembahan/Demonstrasi	Penyampaian	3	
		Pengetahuan Tentang Projek	4	
		Soal Jawab	3	
8	Bonus (maksimum 3 markah)			
JUMLAH			100	

(
Ketua Jabatan)

(
Pengerusi Jawatankuasa Induk)



Tarikh :

Tarikh :

ANUGERAH PENGARAH POLITEKNIK
BORANG PENCALONAN ANUGERAH PROJEK TERBAIK (POLITEKNIK)

Panduan : Pelaksanaan Penilaian ini hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya TIGA orang ahli panel.

Sesi Tamat Pengajian : Sesi Dis / Jun

Tajuk Projek Bukan Kejuruteraan :

Kod Program :		Seksyen/Kelas :		Jabatan :	
----------------------	--	------------------------	--	------------------	--

BIL	NAMA	NO. KP	NO. PEND

BIL	ITEM	KRITERIA	MARKAH/MARKAH	
			MAKSIMUM	SEBENAR
1	Hasil Kerja	Penyediaan Bahan	10	
		Pembungkusan	10	
		Pelabelan	10	
		Penggunaan Teknologi	10	
		Ciri Keselamatan/ Kesihatan	5	
2	Keaslian, Adaptasi dan Kreativiti	Novelti	5	
		Kreatif	5	
		Daya Inventif/Inovatif	5	
3	Kegunaan	Faedah	5	
		Kerelevanan	5	
4	Potensi Projek	Potensi Paten	5	
		Potensi Komersial	5	
5	Keberkesanan Kos Projek		5	
6	Dokumentasi		5	
7	Persembahan/Demonstrasi	Penyampaian	3	
		Pengetahuan Tentang Projek	4	
		Soal Jawab	3	
8	Bonus (maksimum 3 markah)			
JUMLAH			100	

(_____)
Ketua Jabatan

(_____)
Pengerusi Jawatankuasa Induk



Tarikh :

Tarikh :

KRITERIA PEMARKAHAN ANUGERAH PROJEK TERBAIK

1.0 HASIL KERJA

Pemberian markah adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- 1.1. Kekemasan
Kekemasan fizikal projek tersebut.
- 1.2. Kefungsian
Berfungsi mengikut objektif projek yang ditetapkan.
- 1.3. Kesesuaian Bahan
Penggunaan bahan yang sesuai bagi menghasilkan projek seperti bahan yang mudah didapati, bahan tempatan, bahan kitar semula atau pengganti kepada komponen asal.
- 1.4. Penggunaan Teknologi
Penggunaan teknologi adalah bersesuaian bagi penghasilan projek.
- 1.5. Ciri Keselamatan/Kesihatan
Ciri keselamatan/kesihatan yang ditunjukkan ketika penggunaan atau operasi projek.

2. KEASLIAN DAN KREATIVITI

- 2.1. Novelti
Penghasilan projek baharu atau projek yang belum pernah dicipta sebelum ini.
- 2.2. Kreatif
Keupayaan menghasilkan konsep baharu atau pembaharuan kepada idea sedia ada.
- 2.3. Daya inventif/inovatif
Kebolehan menghasilkan sesuatu projek yang berbeza daripada sebarang sumber atau dokumen projek sedia ada.

3. KEGUNAAN

- 3.1. Faedah
Kegunaan projek yang boleh dimanfaatkan oleh individu, masyarakat, negara atau luar negara.
- 3.2. Kerelevanan
Kesesuaian projek dengan masalah yang ingin diselesaikan.

4. POTENSI PROJEK

4.1. Potensi Paten

Hak eksklusif yang diberikan kepada sesuatu rekapipta baharu sama ada berbentuk produk atau proses dan penyelesaian teknikal bagi sesuatu masalah.

4.2. Potensi Komersial

Potensi projek tersebut untuk dikomersialkan bagi pasaran pengguna atau industri.

5. KEBERKESANAN KOS PROJEK

Kebekesanan kos dan penilaian sama ada projek tersebut praktikal digunakan untuk menyelesaikan masalah berkaitan.

6. DOKUMENTASI

Keterangan yang lengkap berkaitan dengan spesifikasi teknikal dan ilustrasi projek serta kekemasan kandungan dokumen yang disediakan.

7. PERSEMBAHAN/DEMONSTRASI

7.1. Penyampaian

Persembahan pelajar yang jelas dan lancar.

7.2. Pengetahuan Tentang Projek

Kebolehan pelajar menguasai ilmu pengetahuan teknikal dan bukan teknikal berkaitan dengan projek yang dihasilkan.

7.3. Soal Jawab

Keupayaan pelajar menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh panel penilai.

8. BONUS

Aspek pengurusan masa dan ketrampilan pelajar, keceriaan dan susun atur ruang pameran. Maksimum TIGA (3) markah diperuntukan oleh panel penilai yang bertujuan untuk menampung kekurangan markah pada mana-mana item yang dinilai. Pemberian markah ini bergantung kepada budi bicara panel penilai.

9.0 CONTOH-CONTOH SIJIL

- 9.1 Lampiran bagi sijil-sijil ini adalah sebagai panduan dan rujukan politeknik terutama jawatankuasa terlibat.
- 9.2 Rekabentuk dan format sijil adalah atas pertimbangan politeknik, tetapi maksud atau ayat yang tertulis dalam contoh sijil-sijil ini perlulah dikekalkan.



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
POLITEKNIK UNGKU OMAR

ANUGERAH KETUA JABATAN

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

< NAMA PELAJAR >
< NO. KAD PENGENALAN >
< NO. PENDAFTARAN >

kerana telah menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang
dengan **Purata Nilai Mata (PNM)** bersamaan
atau lebih daripada 3.50 pada
Penilaian Akhir Semester

< SESI PENGAJIAN >

Bagi Program

< NAMA PROGRAM >

Contoh



(AB. LATIF BIN SAAD)
Ketua Jabatan
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Ungku Omar

Tarikh : < KEPUTUSAN RASMI >



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
POLITEKNIK UNGKU OMAR

ANUGERAH KETUA JABATAN

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

ALI BIN ABU
821012-01-5675
01DKM10F0890

kerana telah menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang
dengan **Purata Nilai Mata (PNM)** bersamaan
atau lebih daripada 3.50 pada
Penilaian Akhir Semester

SESI DISEMBER 2011

Bagi Program

DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL



(AB. LATIF BIN SAAD)
Ketua Jabatan
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Ungku Omar

Tarikh : 04 APRIL 2012

Contoh



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
POLITEKNIK UNGKU OMAR

ANUGERAH KHAS KETUA JABATAN

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

< NAMA PELAJAR >
< NO. KAD PENGENALAN >
< NO. PENDAFTARAN >

kerana telah menunjukkan prestasi akademik yang
cemerlang dengan **Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)**
bersamaan atau lebih daripada 3.50 pada
Penilaian Akhir Semester
Bagi Program

< NAMA PROGRAM >

Contoh



(AB. LATIF BIN SAAD)
Ketua Jabatan
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Ungku Omar

Tarikh : < KEPUTUSAN RASMI >



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG
POLITEKNIK UNGKU OMAR

ANUGERAH KHAS KETUA JABATAN

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

ZULHAIRI BIN HASHIM

880907-09-6259

01DTK09F1019

kerana telah menunjukkan prestasi akademik yang
cemerlang dengan **Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM)**
bersamaan atau lebih daripada 3.50 pada
Penilaian Akhir Semester
Bagi Program

DIPLOMA TEKNOLOGI KOMPUTER



(AB. LATIF BIN SAAD)
Ketua Jabatan
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Ungku Omar

Tarikh : 04 APRIL 2012



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



**ANUGERAH PENGARAH
POLITEKNIK UNGKU OMAR**

ANUGERAH PROJEK TERBAIK

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

< NAMA PELAJAR >
< NO. KAD PENGENALAN >
< NO. PENDAFTARAN >

dari

<JABATAN>

kerana telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam penghasilan
projek terbaik peringkat politeknik bagi tahun

<TAHUN>

dengan tajuk projek

<TAJUK PROJEK>

Contoh



(KAMARUDDIN BIN HAMZAH)

Pengarah

Politeknik Ungku Omar

Ipoh, Perak

Tarikh : < TARIKH KONVO >



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



**ANUGERAH PENGARAH
POLITEKNIK UNGKU OMAR**

ANUGERAH PROJEK TERBAIK

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

AMIRUDDIN BIN HALIM
810203-090-9845
01DKM09F2012

dari

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKA

kerana telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam penghasilan
projek terbaik peringkat politeknik bagi tahun

2012

dengan tajuk projek

**PENJANAAN TENAGA ELEKTRIK MENGGUNAKAN
KUASA ANGIN**



(KAMARUDDIN BIN HAMZAH)

Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Ipoh, Perak

Tarikh : 04 APRIL 2012

Contoh



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



**ANUGERAH PENGARAH
POLITEKNIK UNGKU OMAR**

**ANUGERAH KECEMERLANGAN
AKADEMIK DAN KOKURIKULUM**

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

< **NAMA PELAJAR** >
< **NO. KAD PENGENALAN** >
< **NO. PENDAFTARAN** >

dari

< **JABATAN** >

kerana telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang
akademik dan kokurikulum di peringkat politeknik bagi
tahun

< **TAHUN** >

Contoh



(**KAMARUDDIN BIN HAMZAH**)
Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Ipoh, Perak

Tarikh : < **KEPUTUSAN RASMI** >



POLITEKNIK
Ungku Omar
Jabatan Pengajian Politeknik



ANUGERAH PENGARAH
POLITEKNIK UNGKU OMAR

ANUGERAH KECEMERLANGAN
AKADEMIK DAN KOKURIKULUM

Sukacita Sijil Ini Dianugerahkan Kepada

AMIRUDDIN BIN HALIM
810203-090-9845
01DKM09F2012

dari

JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

kerana telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang
akademik dan kokurikulum di peringkat politeknik bagi
tahun

2012

(KAMARUDDIN BIN HAMZAH)

Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Ipoh, Perak

Tarikh : 04 APRIL 2012



Contoh

Contoh Cop Mohor PUO APCP

